

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 14/05/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12  
Tajuk : Waspada helah pinjaman lintah darat menjelang Aidilfitri



PENJAWAT awam sering menjadi mangsa pemberi pinjaman wang tidak berlesen setiap kali menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. – Gambar hiasan

## Waspada helah peminjam lintah darat menjelang Aidilfitri

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

**KUANTAN** – Golongan penjawat awam serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang menghadapi masalah kewangan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri dinasihatkan berwaspada terhadap tawaran pinjaman peribadi yang ditawarkan pihak tidak berlesen.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar kecil**) berkata, ini kerana terdapat pihak pemberi pinjaman wang yang mendakwa syarikat mereka merupakan ejen Angkasa dan boleh memberi kelulusan pinjaman secara mudah kepada penjawat awam serta GLC.

“Kita dapati, ada pemberi pinjam wang menampal iklan tawaran pinjaman yang mendakwa syarikat mereka daripada koperasi tertentu

dan boleh menguruskan bayaran balik melalui potongan gaji.

“Taktik ini sering dilaporkan (kepada Angkasa) pada setiap kali musim perayaan kerana mereka tahu, ramai penjawat awam yang memerlukan wang,” katanya di sini kelmarin.

Abdul Fattah memberitahu, penjawat awam perlu menyemak status syarikat atau ejen pemberi pinjaman bagi memastikan mereka benar-benar mewakili koperasi tertentu.

“Terdapat 800 koperasi yang dibenarkan memberi pinjaman kepada ahli, penjawat awam dan GLC, tetapi hanya 400 koperasi yang aktif menawarkan pinjaman.

“Penjawat awam yang tertipu dengan syarikat pemberi pinjaman wang sedemikian juga diminta membuat laporan polis supaya tidak terus menjadi mangsa,” jelasnya.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA